

12 Mac 2023

Editor yang dihormati,

Kami ingin mengemukakan manuskrip penyelidikan bertajuk "Pelaporan Akauntabiliti Kerjasama Awam Swasta: Satu Analisis Keperluan" untuk dipertimbangkan oleh *Asian Journal of Accounting & Governance*. Kami percaya manuskrip ini sesuai untuk diterbitkan oleh AJAG.

Dalam manuskrip ini, kami menyerlahkan dapatan kajian berkaitan keperluan penyediaan pelaporan akauntabiliti dan pembangunan kerangka kerja pelaporan bagi pengaturan Kerjasama Awam Swasta atau lebih dikenali sebagai *Public-Private Partnerships (PPP)*. Kami percaya manuskrip ini akan menyumbang kepada pengetahuan baharu dan memberi peluang untuk menggalakkan pemahaman yang lebih baik tentang penzahiran akauntabiliti melalui pelaporan PPP.

Kami mengesahkan bahawa karya ini adalah asli dan belum diterbitkan di tempat lain, dan tidak sedang dalam pertimbangan untuk diterbitkan di tempat lain.

Kami tidak mempunyai konflik kepentingan untuk didedahkan. Sila sampaikan semua surat-menyurat mengenai manuskrip ini kepada saya di alamat e-mel lieya.phd@gmail.com.

Terima kasih kerana mempertimbangkan manuskrip ini.

Yang ikhlas,

Juliana Saleh

Dr Norida Basnan

Dr Azlina Ahmad

Prof Madya Dr Amizawati Mohd Amir

(Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia)